

SISTEM BIOMETRIK KESAN JENAYAH

» Akses maklumat, tangani ancaman pengganas, penjenayah rentas sempadan di pintu masuk utama negara

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penggunaan sistem biometrik dalam bidang keselamatan dan forensik, bukanlah perkara baharu di peringkat global, khususnya dalam menangani ancaman pengganas luar daripada menyusup masuk melalui pintu utama negara.

Sistem pengecaman itu mampu mengenal pasti dan memberi pengesahan mengenai individu tertentu, sama ada memiliki rekod dalam pangkalan data, pernah melakukan kegiatan jenayah atau terbabit dalam aktiviti keganasan.

Biometrik adalah kaedah mengenal pasti atau mengesahkan pengenalan individu berdasarkan ciri-ciri biologi serta tingkah laku seperti cap jari, tapak tangan, iris, retina, suara, muka, pengecaman asid deoxyribonucleic (DNA) dan tandatangan.

Pangkalan data mengandungi maklumat individu berasaskan ciri-ciri biologi itu kemudiannya disambungkan kepada peralatan pengesanan

Program Pendaftaran Biometrik Pekerja Asing sah di bawah Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P).

Malaysia juga sudah menggunakan sistem biometrik pada pintu masuk negara pada 1 Jun 2011 melalui proses pendaftaran pelawat ke negara ini.

Penggunaan sistem itu kini melangkah ke tahap lebih tinggi apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengumumkan Malaysia kini dapat mengakses maklumat suspek pengganas dan pelaku jenayah berat antarabangsa melalui 1.2 juta cap jari biometrik yang berada dalam rekod AS.



PENGECAMAN CAP JARI

- Mengesan cap jari serta mengukur aliran darah atau memeriksa barisan rabung pada bahagian jari.



1.2 JUTA
CAP JARI BIOMETRIK
PENJENAYAH DALAM
REKOD AS





yang diletakkan pada setiap pintu masuk negara atau menjadi rujukan pihak berkuasa atau pasukan keselamatan.

kaedah urat saraf

Sebagai contoh, lapangan terbang di Amerika Syarikat (AS) menggunakan sistem pengenalan biometrik gambar serta cap jari, manakala Jepun menggunakan kaedah urat saraf bagi sistem kedatangan di pejabat dan sistem maklumat peribadi di institusi pendidikan serta kesihatan.

Di Malaysia, kerajaan mula menggunakan sistem biometrik secara rasmi sejak 5 September 2001 melalui pengenalan Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan yang digunakan pada MyKad serta Sistem Pengesanan Cap Jari Bersepadu (AFIS) bagi mengenal pasti identiti warga Malaysia melalui pengesanan cap ibu jari.

Teknologi biometrik bagi keselamatan pula mula digunakan sekitar tahun 2010 dan 2011 melalui Identifikasi Cap Jari Biometrik (Biofis) serta

Kekang jenayah rentas sempadan

Katanya, maklumat itu boleh digunakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengatasi ancaman penganas dan kegiatan jenayah berat rentas sempadan, selain mengesan kedudukan mereka yang cuba memasuki negara ini.

Keberkesanan sistem biometrik juga terbukti melalui kejayaan PDRM mengesan beberapa individu terabit kegiatan militan di negara ini susulan kejadian serangan di Paris, Perancis baru-baru ini yang didalangi kumpulan Negara Islam (IS).

Malah usaha Amerika Syarikat memburu pemimpin al-Qaeda, Osama Bin Laden, di Pakistan sebelum ini juga dibantu sistem biometrik, selepas maklumat mengenainya dikenal pasti dan disahkan menerusi DNA yang diperolehi secara risikan.


Justeru itu, kerjasama Malaysia dengan AS dalam perkongsian maklumat biometrik, adalah langkah tepat dengan peningkatan kejadian membabitkan penganas serta kewujudan pelbagai kumpulan ekstremis bagi memastikan keamanan dan kedaulatan negara terus terpelihara.

PENGIMBAS GEOMETRI TANGAN

- Mengukur dan menganalisa bentuk tangan individu, namun bukan kaedah baik kerana tangan tidak memiliki ciri-ciri unik.



BH
22/11/2015
M/S 18



PENGESAHAN TANDATANGAN

- Menggunakan pen dan tablet khas bagi memproses dan membandingkan dengan tiga set rujukan tandatangan yang tersimpan dalam pangkalan data.

